



JAKARIA  
(duduk, enam  
dari kanan)  
bergambar  
bersama  
peserta kursus.

## Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS anjur Kursus Seni Ucapan Berkesan

NST 4.2.2017 6

KOTA KINABALU: Persatuan Pelajar Pascasiswazah (PSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil pendekatan strategik dengan mewujudkan satu kerjasama rapat dengan al-Hidayah Training and Consultancy (HTC), dalam menganjurkan kursus bertajuk Revolusi Seni Ucapan Berkesan.

Berlangsung baru-baru ini di Dewan Auditorium Pascasiswazah, kursus tersebut dikendalikan penceramah dari HTC, Hadi Hidayah Tutuh, pakar pengucapan awam yang bergiat aktif di negeri Sabah.

Beliau memperkenalkan teknik yang menekankan kepada pengaruh variasi suara bagi menarik perhatian para pendengar berdasarkan pengalaman menyampaikan ceramah lebih 25 tahun serta pengalaman mewakili Sabah dalam pidato kebangsaan.

Menurut Hadi, manfaat utama yang dapat diperolehi oleh seseorang itu melalui pengalaman mengikuti kursus sedemikian ialah meningkatnya rasa keyakinan yang lebih baik.

“Rasa gugup dapat dikawal jika seseorang

itu tahu bagaimana menggunakan seni variasi suara dengan sesuai dan teratur,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) Pusat Pengajian Pascasiswazah, Jakaria Dasan menjelaskan penganjuran kursus sebegini adalah perlu bagi mengasah kemahiran berkomunikasi para pelajar.

Katanya, ia kerana kemahiran berkomunikasi merupakan satu halangan besar dalam usaha pelajar pascasiswazah membuat penyelidikan terutama ketika mereka membuat pembentangan mengenai kajian di peringkat

fakulti mahu pun di persidangan kebangsaan dan antarabangsa.

“Usaha mengadakan kursus seperti yang diadakan itu adalah suatu usaha yang relevan dan wajar untuk dianjurkan secara berterusan,” ujar beliau.

Pada kursus tersebut, seramai 53 peserta telah mengambil bahagian termasuk peserta dari Makassar, Indonesia yang terdiri daripada kalangan penjawat awam dan swasta serta para penuntut dari UMS dan universiti lain.